

# Sombong cari kerja punca menganggur

**B**ARU-BARU ini penulis sempat mengunjungi sebuah program pameran kerjaya terbuka yang diselenggarakan agensi Profesional Training & Education Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) di Melaka.

Selepas berada di lokasi selama beberapa minit, apa yang mencuri tumpuan penulis ialah kawasan tapak pameran itu dibanjiri dengan pelajar bukan bumiputera.

Timbul pula persoalan, di manakah anak bangsa kita yang pada hari ini selalu merintih tidak diberikan peluang pekerjaan?

Memetik laporan akhbar, terdapat kajian kadar pengangguran golongan graduan didapati lebih tinggi berbanding rakan sebaya mereka yang tidak mempunyai pendidikan tinggi.

Laporan itu menyebut, belia bumiputera berpendidikan tinggi merekodkan kadar pengangguran tertinggi pada tahun 2017 meliputi 4.6 peratus, jauh lebih tinggi daripada belia bumiputera yang mempunyai kelulusan tahap sekolah menengah iaitu 4 peratus.

Suasana 'sepi' pada program pameran itu turut disedari kakitangan salah sebuah syarikat pempamer dalam sektor perkhidmatan. Pada pandangan peribadinya, penuntut bumiputera terlalu sombong dan tidak mahu mengambil peluang apabila kerajaan pada hari ini membantu menyediakan pelbagai platform dan cara untuk mereka merancang masa depan.

Perkara itu turut diakui oleh Ketua Sekretariat PROTÉGÉ, Norashikin Ismail yang memberitahu, sepanjang program pameran kerjaya yang diadakan di 10 buah universiti di seluruh negara sejak 30 Mac lalu, jumlah penyertaan tertinggi sebaliknya direkodkan di sebuah institusi yang majoriti penuntutnya bukan bumiputera.

"Setakat ini seramai 16,000 mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT) telah mengambil bahagian dalam program PROTÉGÉ, namun penglibatan pelajar di setiap universiti hanyalah sekitar 400 orang kecuali di Universiti Malaysia Sarawak yang mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu 12,000 pelajar.

"Perkara ini dilihat satu kerugian kepada mahasiswa kerana program ini menyediakan pelbagai peluang kerjaya dan latihan yang diberikan secara



Menjengah Minda

Bersama DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

“Penuntut bumiputera terlalu sombong dan tidak mahu mengambil peluang apabila kerajaan pada hari ini membantu menyediakan pelbagai platform dan cara untuk mereka merancang masa depan

percuma untuk direbut oleh mereka sebagai persiapan sebaik sahaja tamat pengajian,” katanya.

Mengulas lanjut, Norashikin berkata, anggaran 400 peserta yang mengambil bahagian itu juga adalah di institut pengajian tinggi awam yang mempunyai jumlah penuntut bumiputera tinggi dengan jumlah anggaran keseluruhan mahasiswa di setiap universiti terlibat adalah kira-kira lebih 10,000 pelajar.

Dalam pada itu, Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad berkata, situasi itu dilihat berlaku disebabkan golongan itu berada dalam zon selesa kehidupan sehingga tidak mahu mengukur kebolehpasaran diri dalam bidang kerjaya.

“Seperti peribahasa Barat, kita boleh tarik kuda ke sungai, tapi kita tidak boleh paksa kuda

itu untuk minum air.

“Pihak kerajaan memang menyediakan platform untuk penuntut, namun apa-apa pun ia berbalik kepada sikap mahasiswa dan graduan bumiputera itu sendiri untuk mengambil peluang itu atau tidak,” katanya.

Tambahnya, golongan mahasiswa terlalu selesa dengan kemudahan kehidupan yang dibentuk dari peringkat awal pendidikan sehinggalah di universiti dan mengambil kesempatan itu untuk melengahkan perancangan masa depan mereka.

Katanya, golongan yang tidak mahu mengambil peluang yang disediakan itu juga disebabkan mereka tidak menghadapi tekanan atau desakan hidup, sekali gus membentuk nilai survival yang rendah dalam diri.

“Golongan ini bukanlah generasi pejuang seperti mahasiswa terdahulu yang perlu memecahkan ruyung untuk mendapatkan sagunya. Pada era 80-an, kebanyakan mahasiswa tidak akan menunggu mereka tamat pengajian untuk memulakan pekerjaan tetapi telah bekerja ketika masih belajar,” katanya.

Zaid berkata, generasi urban bumiputera pada hari ini perlu membetulkan perspektif dan ungkapan ‘nantilah’ juga diperbetulkan kerana bukan sahaja memberi impak secara individual tetapi berkait dengan masalah lebih besar iaitu pembinaan bangsa negara.

“Kita tidak mahu membina bangsa negara yang tidak ada semangat juang dan lemah. Golongan belia khususnya bumiputera perlu sedar ramai pihak yang sentiasa mencari peluang membina masa depan dan mereka yang tertinggal akan terus ketinggalan,” katanya.

KOSMORAMA

Oleh MARO

